

TARIKH	22 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	21	RUANGAN	DALAM NEGERT

Bagi menampung subsidi jemaah haji ekoran peningkatan kos TH mahu teroka pelaburan baharu

Oleh SHARAIHEI SHAIK
AHMEDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 21 Jan. - Tabung Haji (TH) akan menggunakan kaedah inovasi terkini dengan menorka bidang pelaburan baharu bagi menampung pemberian subsidi untuk setiap jemaah haji ekoran peningkatan kos mengerjakan rukun Islam kelima itu setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata, pada tahun lalu sahaja pihaknya terpaksa membelanjakan le-

bih RM11.3 juta untuk menampung kos subsidi bagi semua jemaah haji berikutan peningkatan kadar sebenar untuk mengerjakan ibadah itu.

Beliau berkata, langkah itu diambil bagi meringankan beban yang ditanggung sebilangan besar jemaah haji untuk ke tanah suci.

"Pihak Tabung Haji akan menggunakan kaedah inovasi dan kreativiti bagi mendapatkan dana untuk memberi bantuan kepada



JAMIL KHIR BAHAROM

jemaah haji yang hendak menunaikan ibadah itu antaranya dengan meneroka bidang pelaburan baharu seperti industri berteknologi tinggi yang patuh syariah.

"Kaedah ini dapat meningkatkan modal dan memberikan pulangan lebih tinggi kepada agensi tersebut sekaligus dapat membantu meringankan beban jemaah haji," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang

akhbar selepas majlis perhimpunan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan melancarkan logo baharu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha.

Mengulas lanjut, Jamil Khir berkata, pada setiap tahun Malaysia mendapat kuota haji sebanyak 26,000 orang dan kos untuk seorang jemaah adalah RM9,980 berbanding harga sebenar RM15,555.

Dalam pada itu, ditanya sama ada harga untuk mengerjakan ibadah tersebut kekal pada tahun ini, beliau

berkata, pihaknya masih belum membuat sebarang keputusan berhubung kadar tersebut.

"Kita masih mendengar pandangan pelbagai peringkat dan belum ada pengumuman lanjut sama ada kadar ini dikekalkan atau tidak bakalmanapun, pihak Tabung Haji akan sentiasa membuat inovasi ke arah memberi bantuan kepada jemaah haji," katanya.

Dalam pada itu, Jamil Khir berkata, pihaknya juga berharap dapat merealisasikan hasrat untuk menubuhkan Kolej Universiti al-Quran dan Institut Kajian Strategik Islam

Malaysia (IKSDM) pada tahun ini bagi mengangkat martabat agama Islam.

Pada masa sama, katanya penubuhan sebuah jabatan baharu iaitu Jabatan Halal juga akan diusahakan pada tahun ini bagi meningkatkan lagi sektor industri halal dalam negara.

"Selain itu, kita juga akan meningkatkan lagi peranan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang bukan hanya tertumpu kepada sistem Ar Rahnun tetapi pembangunan ekonomi lain yang berlandaskan prinsip syariah bagi meningkatkan ekonomi umat Islam," katanya.

TARIKH	22 / 1 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	11 2 18	RUANGAN	BISNES

Naza TTDI lancar projek hartanah RM1.7b

MUKA 18



PROJEK perumahan mewah tetap mendapat permintaan tinggi dalam pasaran. - GAMBAR HIASAN

Naza TTDI lancar projek hartanah RM1.7b

KUALA LUMPUR 21 Jan. - Naza TTDI Sdn. Bhd. (Naza TTDI) bersedia melancarkan projek hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.7 bilion pada tahun ini.

Semua projek baharu berkenaan akan dilancarkan di beberapa kawasan utama di sekitar Lembah Klang.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusannya, SM Faliq SM Nasimuddin berkata, pelancaran pertama akan dibuat pada Mac depan iaitu projek TTDI Sentralis dan TTDI Alam Impian di Shah Alam serta TTDI Dualis di Equine Park.

Katanya, pelancaran berkenaan dijangka menambah baik prestasi kewangan kumpulan walaupun bakal berdepan dengan cabaran besar tahun ini seperti peningkatan kos.

"Namun, saya percaya permintaan terhadap hartanah mewah dan mampu milik yang memenuhi kehendak pengguna masih mempunyai permintaan yang tinggi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ketika ini, Naza TTDI mempunyai projek dengan GDV sebanyak RM4 bilion di Platinum Park meliputi Menara Felda dan dua lagi dalam pembinaan iaitu, Menara Lembaga Tabung Haji dan Menara Naza yang dijangka siap pada 2014 dan 2015.

Fasa pertama komponen perumahan Platinum Park melibatkan pangsapuri perkhidmatan dengan 500 buah rumah akan dilancarkan pada Julai.

Di Shah Alam pula, pembangunan bercampur TTDI Sentralis 2 akan dilancarkan pada Mei bermula dengan lima buah rumah kedai mewah diikuti dengan pangsapuri.

SM Faliq berkata, kumpulan mempunyai beberapa simpanan tanah di kawasan strategik di Lembah Klang seperti KL Metro-polis dan beberapa lagi yang boleh dibangunkan.

"Kami juga akan terus mencari peluang menambah simpanan tanah untuk pembangunan masa hadapan," ujarnya.